



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: PENGURUS PERANCANGAN DAN PERSEMBAHAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Komunikasi Massa / Penerbitan Televisyen / Perancangan / Perdagangan / Persembahan atau bidang yang bersesuaian atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama serta berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.


2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Perancangan dan Persembahan Siaran Tv serta Pembelian Rancangan Antarabangsa adalah kelebihan.
4. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian Microsoft Office.



5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS PERANCANGAN DAN PERSEMBAHAN:**

1. Bertanggungjawab kepada Penolong Ketua Rancangan-Rancangan Tv (Seksyen Perancangan dan Siaran Tv).
2. Bertindak sebagai *Channel Manager* terhadap satu (1) atau dua (2) daripada saluran televisyen yang ada.
3. Mengurus dan mentadbir kakitangan, peralatan dan peruntukan di bawah Unit yang dipertanggungjawabkan.
4. Penyediaan *Programme-Belt* dan *Advance Schedule* untuk siaran televisyen sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan kehadapan termsuk penjadualan rancangan, branding, promo dan *filler*.
5. Bertanggungjawab bagi penerbitan branding persembahan untuk saluran Tv yang di pertanggungjawabkan seperti *Ident Station*, *Jinggle Station*, *Program Menus* dan lain-lain.
6. Pembelian rancangan-rancangan luar negeri selaras dengan yang dinyatakan pada para(4) diatas.
7. Penyelarasan dengan bahagian / seksyen / unit seperti Seksyen Perdagangan, Penapisan, Bilik Kawalan (POC) dan lain-lain bagi tujuan penapisan, iklan, siaran dan sebagainya.
8. Penyelarasan dengan Unit *Playout Centre* (POC) – Pusat Persembahan dan Perkhidmatan Pelancaran TV, Perpustakaan Filem dan Pita dan pejabat Perancangan dan Persembahan yang menyediakan jadual rancangan harian, skrip-skrip *daily continuity*, publisiti, penerbitan-penerbitan branding, promo dan filem-filem selingan.



9. Bertanggungjawab bagi penerimaan dan penghantaran filem dan pita yang berkenaan, membuat penyusunan-penyusunan bagi penapisan filem dan pita tersebut oleh Jawatankuasa Penapisan dan Penilaian Rancangan Tv dan berhubung dengan Pengurus Perdagangan untuk menerima dan memasukkan iklan-iklan perdagangan dan siaran harian.
10. Bertanggungjawab bagi taraf-taraf persempahan yang tinggi dan *professional* dan juga bertanggungjawab ke atas susunan *transfer rancangan* untuk di *preview*, penerbitan filem-filem selitan untuk selingan, *promo* dan lain-lain yang diperlukan.
11. Menyediakan laporan tahunan projek-projek yang dikendalikan setiap tiga (3) bulan dalam setahun (empat laporan).
12. Merancang perkembangan masa depan Seksyen / Unit yang berkenaan bersesuaian mengikut kehendak dan matlamat Jabatan.
13. Mengawal perbelanjaan dengan menghasilkan produktiviti yang tinggi dengan mengarahkan pegawai / kakitangan yang dipertanggungjawabkan.
14. Menggalakkan dan membimbing idea-idea yang kreatif dalam satu-satu perancangan / rancangan / projek.
15. Mempengerusikan mesyuarat setiap bulan dan menghadiri mesyuarat bagi pihak Ketua (tertakluk pada keperluan).
16. Merancang perkembangan dan kemajuan masa depan Seksyen / Unit, proaktif dan berwawasan untuk mencapai matlamat Jabatan.
17. Bersedia menerima arahan-arahan kerja yang tidak termasuk dalam perancangan Seksyen / Unit yang berkenaan seperti menghadiri kursus / latihan / kerja-kerja projek Seksyen / kerja-kerja amal samaada atas arahan Ketua Bahagian / Ketua Seksyen / Ketua Jabatan.
18. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.